

# Diskusi ICT



Bersama **FIRKHAN**  
sembangict@yahoo.com

## Terima mesej spam

**K**ENAPA saya selalu menerima mesej *spam* dalam telefon bimbit?  
-Hamba Allah, Kota Tinggi.

TERIMA kasih. Terdapat beberapa perkara yang menyebabkan seseorang sering menerima mesej *spam* menerusi telefon bimbit. Antaranya adalah seperti berikut.

**1** Seseorang akan cuba membuat tekaan beberapa nombor telefon untuk dihantar mesej *spam*. Sesiapa yang menerimanya merupakan nombor yang 'bertuah'.

**2** Berhati-hati ketika mengisi maklumat peribadi untuk sesuatu borang tinjauan sama ada menerusi internet atau secara fizikal.

**3** Begitu juga ketika berinteraksi atau mengisi apa sahaja maklumat menerusi laman sesawang media sosial.

**4** Jangan sesekali membalas apa sahaja mesej *spam* yang diterima kerana kebiasaannya, akan lebih banyak mesej *spam* akan diterima selepas membalasnya.

Berhati-hati ketika berurusan dengan maklumat nombor telefon bimbit sama ada secara fizikal atau di internet. Kemudian, biasanya mesej *spam* ini akan kelihatan nombor telefon penghantar seperti nombor telefon bimbit biasa yang lain. Mesej *spam* ini juga biasa digunakan untuk tujuan pengiklanan. Terdapat beberapa tujuan mesej *spam* ini dihantar seperti yang dibincangkan seterusnya.

**1** Aktiviti *phising* atau penipuan untuk tujuan dapatkan wang atau barang berharga terutama menerusi transaksi kewangan di bank secara atas talian.

**2** Dapatkan maklumat peribadi seseorang seperti kesukaan seseorang, kepunyaan insurans nyawa, tempat kesukaan untuk pergi dan lain-lain. Kebiasaannya untuk mendapatkan maklumat peribadi seseorang, mesej *spam* ini akan tawarkan beberapa perkara seperti hadiah percuma dan lain-lain.

**3** Aktiviti pengiklanan yang pelbagai sama ada barang atau perkhidmatan. Kadangkala penghantarnya merupakan syarikat operator telefon yang dilanggan. Namun begitu ada yang palsu dan ini termasuk dalam kategori *spam phising*.

Sekiranya ada mesej *spam* yang dicurigai dan kritikal, laporkan kepada pihak berkuasa seperti Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM), CyberSecurity Malaysia atau polis.